

Kosmo 13/9/06 (ms9)

Lina tak kesal pindah universiti

Oleh MANIRAH OTHMAN
berita@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Pendirian teguh Lina Shuhaida Embong, 25, menukar tempat pengajiannya dari Universiti Multimedia (MMU) ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) tidak menghampakan.

Tekadnya itu menjadikannya dia antara lapan graduan cemerlang.

Semalam mereka dikurniakan Anugerah Naib Canselor pada sidang ketiga Istiadat Konvokesyen Ke-64 UiTM di sini.

Sebelum ini pemegang Diploma Bangunan itu bertekad berhenti daripada pengajiannya yang sudah memasuki tahun ketiga di MMU dalam bidang Kejuruteraan Teknologi Maklumat untuk 'beralih arah' ke UiTM.

"Keluarga menentang pada awalnya tetapi saya tetap mahu tukar juga.

Akhirnya mereka terpaksa akur dengan kedegilan saya sebab saya memang tak minat kursus tu," katanya sambil memberitahu keputusan yang diambil adalah demi masa depannya.

Menurutnya, dia tidak mensia-siakan kepercayaan keluarganya itu dan buktinya keputusan cemerlang diperolehnya setiap semester yang membolehkannya dikurniakan Anugerah Dekan itu semalam.

Enam lagi penerima anugerah itu ialah Mohd. Fais Roslan, 22 (Diploma Bangunan), Najwa Hani Musbahudin, 21 (Diploma Ukur Bahan), Siti Nur Farhana Ab. Latif, 21.

Lain-lain ialah Siti Nur Aishah Mat Nazri, 21 dan Roharyati Zulkefli, 21 (Diploma Pe-



GRADUAN UiTM melambung topi masing-masing selepas Istiadat Konvokesyen Ke-64 UiTM di Shah Alam semalam. Lina Shuhaida (gambar kecil).

ngurusan Hartanah) serta Adie Azhar Rustam, 21 (Diploma Mekanikal).

Pada sidang itu, 998 graduan Fakulti Ke-

juruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Kimia dan Senibina Perancangan dan Ukur menerima diploma masing-masing.